

16/03/1999

Tiada pilihan raya umum lebih awal

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah tidak mendorong beliau mengadakan pilihan raya umum lebih awal.

"Saya tidak dipengaruhi sama sekali. Saya memang menjangka akan menang di Sabah ... walaupun majoriti satu kerusi," kata Perdana Menteri ketika ditanya sama ada kejayaan itu mendorongnya mengadakan pilihan raya umum tahun ini.

Pilihan raya umum kali terakhir diadakan pada 1995 dan ia perlu diadakan selewat-lewatnya April tahun depan.

"Saya perlu ambil kira banyak faktor lain seperti perbelanjaan, ekonomi yang baik dan suasana politik yang baik. Banyak benda yang sepatutnya selesai dalam masa 10 hari berlarutan sampai 70 hari ... tapi saya bukan kata mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Presiden Poland, Aleksander Kwasniewski dan delegasinya di sini hari ini. Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Mengenai kenyataan Presiden Parti Rakyat Malaysia, Dr Syed Husin Ali, bahawa BN hanya boleh ditumbangkan jika parti pembangkang bersatu, Perdana Menteri yakin mereka tidak akan berbuat demikian untuk menentang Umno kerana mereka sedar ia akan menjadi senjata Umno bagi mencapai kemenangan.

Menurutnya, jika Pas mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan DAP, ia akan menjadi isu terbesar untuk mempertahankan kedudukan Umno.

"Saya tidak yakin ia akan berlaku kerana kalau mereka bersatu dan mempunyai dasar yang sama, maka adalah lebih mudah bagi Umno untuk menyakinkan orang ramai bahawa mereka ini adalah hipokrit.

"Misalnya seperti Pas, ia tidak membenarkan wanita bertanding kononnya haram, tetapi sokong (Datin Seri Dr) Wan Azizah (Ismail). Apa maknanya ini? Kalau bukan hipokrasi, saya tidak tahu apa ... dan hipokrasi dalam bahasa Arab ialah munafik," katanya.

Justeru, Dr Mahathir turut setuju dengan pendapat beberapa pemimpin parti pembangkang bahawa mereka tidak mungkin dapat membentuk kerajaan, walaupun tidak menolak kemungkinan pembangkang mungkin dapat memperbaiki jumlah perwakilan masing-masing.

"Kita mempunyai pendapat yang sama. Kejayaan kita pada 1995 adalah luar biasa, maka agak sukar bagi kita untuk mencatat kejayaan lebih baik daripada itu atau menyamai pencapaian 1995.

"Tetapi nak kata parti lawan akan menang, saya berpendapat tidak mungkin. Kita mungkin akan dapat (majoriti) kembali dua pertiga kerusi yang dipertandingkan," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan beliau dan kemungkinan beliau akan meneruskan tugas sebagai Perdana Menteri selepas pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata:

"Saya benar-benar hendak bersara tahun lalu, tetapi apa boleh buat masalah ini timbul. Saya punya timbalan yang belum boleh jadi pengganti saya, jadi amat tidak bertanggungjawablah jika saya bersara, hendak bersenang lenang ...

"Saya mempunyai tanggungjawab. Saya tidak bercakap mengenai populariti saya, kalau pun tak popular tetapi dari segi tanggungjawab, saya akan pikul tanggungjawab saya walaupun saya kena maki," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata beliau hanya mengetahui mengenai dakwaan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid akan meletak

jawatan apabila menonton televisyen malam tadi.

Beliau turut menolak andaian bahawa bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Othman Aroff kini semakin condong kepada parti pembangkang.

"Osman Arof ialah apa yang anda panggil `die hard' Umno. Kalau dia direbus dua tiga kali pun, dia keluar dia dok kata Umno juga.

"Saya cuba rebus dia dua tiga kali, tapi dia keluar dia kata Umno, Umno. Saya tidak nampak ... (beliau akan berpaling ke parti pembangkang)," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, Osman dilantik menjadi wakilnya di Kubang Pasu kerana beliau terlalu sibuk.

"Dulu walaupun saya tidak ada wakil peribadi, tetapi Osman memang ada dalam kawasan saya, saya boleh serah (tanggungjawab) pada dia.

"Tetapi sekarang dia berasa kaku sedikit kerana dia bukan wakil peribadi. Walaupun dia menjadi timbalan saya dalam bahagian, dia sukar untuk mengurus perkara-perkara bersangkutan dengan saya ... sebab itu saya lantik dia jadi wakil peribadi," jelasnya.

Serentak dengan itu, beliau membidas pihak tertentu yang menyalahgunakan Internet dan menjadikan sistem komunikasi itu sebagai saluran fitnah utama di negara ini.

"Dulu kita tahulah kita pakar dalam surat layang, sekarang tak payah surat layang, Internet boleh sebar lagi luas.

"Orang kita ini bila dapat apapun dia boleh guna untuk merosak diri dia. Internet digunakan orang lain untuk menambah pengetahuan, mendapat maklumat, tetapi di Malaysia ia diguna untuk menyebarkan fitnah, berbohong dan menimbulkan kekacauan dalam masyarakat.

"Kalau pisau kalau bagi orang kita, dia bukan nak guna hendak potong buah ke, lauk gulai, dia guna untuk tikam orang kerana itu adalah kecenderungan biasa mereka.

"Malah kalau diberi senjata terbaik, seperti pisau makan yang orang beri untuk hadiah ... dia ambil untuk tikam belakang orang, itu tabiat dia, terutama puak tertentu," katanya.

(END)